



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


DOSM/BKS/8.2024/SERIES 57

# NEWSLETTER

*Majlis Sambutan  
Ulang Tahun*

*Jubli*  
**INTAN**

**1949–2024 DOSM**



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK NADI KEHIDUPAN



**31 OKTOBER  
2024 – 3 NOVEMBER  
2024**



**PULAU PINANG**



**BANCI 2024  
PERTANIAN**  
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



**MALAYSIA  
MADANI**



*Ulang Tahun  
Jubli Intan*  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
STATISTIK NADI KEHIDUPAN





*Ulang Tahun*  
**Jubli Intan**  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
STATISTIK NADI KEHIDUPAN

## **Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia**

Sambutan HSN pada tahun 2024 merupakan sambutan kali ke-10 yang bertemakan "Statistik Nadi Kehidupan". Sambutan kali ini amat bermakna kerana DOSM akan menyambut bersekali dengan Majlis Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 DOSM. DOSM telah ditubuhkan sejak tahun 1949 di bawah peruntukan Statistics Ordinance 1949 dan dikenali sebagai Biro Statistik. Pada tahun 1965, Biro Statistik telah bertukar nama kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965.

DOSM merupakan sebuah Agensi Kerajaan di bawah kawal selia Kementerian Ekonomi yang menjalankan amanah dan dipertanggungjawab untuk mengumpul, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi, pembangunan sosial Negara dan kelestarian alam sekitar. HSN akan memberi impak yang ketara kepada inisiatif DOSM untuk memastikan budaya statistik dapat memberikan manfaat kepada pembangunan Negara dan kesejahteraan sejagat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

### **Objektif**

1. Meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas (*central*) kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan Negara;
2. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti tentang kepentingan statistik kepada Negara;
3. Memperkuuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan khususnya bagi proses pengumpulan data Jabatan;
4. Mengiktiraf sumbangan ahli statistik di Malaysia, terutama dalam pengurusan statistik rasmi berdasarkan kepada asas-asas perkhidmatan, integriti dan profesionalism; dan
5. Mempromosikan aktiviti-aktiviti DOSM semasa Hari Statistik Negara.

# Majlis Sambutan

## FORUM PERDANA EHWAL ISLAM “MERENTASI ZAMAN: 75 TAHUN MENGUKIR KEHIDUPAN”



Forum Perdana Ehwal Islam ini mengupas kepentingan data statistik dalam kehidupan serta hubungannya dengan nilai-nilai Islam. Forum ini berjaya menarik lebih 800 peserta, termasuk pelajar, ahli jawatankuasa, serta orang ramai.

Forum ini telah dihadiri oleh beberapa tetamu kehormat, antaranya Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Haji Zulkifli Bin Long, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia.



Forum ini menampilkan tiga panel yang sangat dihormati, iaitu Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr Mohd Sukki Othman, Mufti Negeri Pulau Pinang; Dato' Dr Danial Zainal Abidin, Pendakwah tersohor; serta Ustazah Fatimah Syarha Mohd Noordin, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM.

Moderator forum, Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud, memimpin sesi yang memperincikan bagaimana statistik boleh digunakan sebagai alat untuk memperbaiki kehidupan masyarakat dan membentuk perancangan yang lebih bijaksana, sejajar dengan ajaran Islam.





"Sebagai umat Islam, kita tidak hanya bergantung kepada petunjuk wahyu semata-mata, tetapi kita juga perlu memanfaatkan ilmu dan teknologi terkini untuk mencapai kesejahteraan hidup. Data yang tepat adalah penting untuk membuat keputusan yang memberi impak positif kepada kehidupan kita di dunia dan akhirat," kata Dato' Dr Danial Zainal Abidin



# Majlis Sambutan



1 NOVEMBER 2024

## PERTANDINGAN PERINGKAT AKHIR DEBAT STATISTIK ANTARA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SIRI KE-3



Pertandingan Debat Statistik Antara IPT 2024 dan Pengucapan Awam diadakan di UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kedua-dua pertandingan peringkat akhir ini berlangsung pada 1 November 2024, Jumaat.

Tahniah diucapkan kepada Universiti Teknologi Petronas (UTP) kerana berjaya meraih juara debat statistik bagi tahun 2024.



## PERTANDINGAN PENGUCAPAN AWAM

Pertandingan Pengucapan Awam dengan bertemakan 'Corak Perbelanjaan di Malaysia'.

**Juara Pertandingan:**  
SMK Seri Sepang Selangor

**Naib Juara:**  
SMK Seri Bintang Selatan

**Tempat Ketiga:**  
SMK Desa Tun Hussein Onn



@StatsMalaysia



# DOSM DATATHON - LIVE PITCHING

DOSM Datathon yang diadakan di UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang dengan bertemakan 'Finding Digital and Green Skills'. Seramai 320 peserta yang mewakili 80 pasukan telah menyertai DOSM Datathon 2024.

DOSM Datathon diadakan bertujuan untuk memberikan satu platform yang baik bagi anak-anak muda memperlihatkan kelebihan dan kekuatan mereka dalam bidang teknologi dan data.



**Juara DOSM Datathon**  
Kumpulan NANO GUARDIAN  
Taylor's University:

\*Best Defence  
\*Best Creative Thinking  
\*Best Presenter Award

**Naib Juara**  
Kumpulan 4CAST  
Universiti Kebangsaan Malaysia


**Tempat Ketiga**  
Kumpulan 3+1=4.00  
Universiti Putra Malaysia

# PERTANDINGAN TERBUKA E-SPORT PUBG



Sekitar suasana di Pertandingan Terbuka E-SPORT PUBG yang diadakan di UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang. Pertandingan ini mendapat sambutan yang luar biasa di kalangan pelajar universiti dan juga masyarakat setempat. Dengan minat dan bakat yang mereka miliki dalam E-SPORT PUBG menjadikan pertandingan ini satu platform yang cukup baik untuk menguji tahap ketangkasan dan kemahiran mereka.

Turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin meninjau dan bergambar dengan para peserta di Pertandingan Terbuka E-SPORT PUBG.



## PERTANDINGAN BOLA SEPAK DAN BOLA JARING

Pertandingan bola sepak dan bola jaring yang berlangsung di padang UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang. Pasukan bola sepak terdiri daripada Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang, UiTM Permatang Pauh, DOSM Pulau Pinang dan juga wakil daripada DOSM Putrajaya.

Pasukan bola jaring terdiri daripada UiTM Permatang Pauh, Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang, DOSM Pulau Pinang, DOSM Ibu Pejabat Bersama dan beberapa agensi lain. Semangat kesukuan yang dibawa sepanjang pertandingan amat luar biasa dan saling menyokong antara satu sama lain.



# PROGRAM KOMUNITI KG. CHEROK TOK KUN

Ucapan alu-aluan diberikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin sempena program komuniti bersama Jabatan Perangkaan Malaysia. Antara aktiviti yang berlangsung di Kg Cherok Tok Kun adalah pertandingan mewarna, gubahan, memasak, congkak, bola sepak, bola jaring, sepak takraw, tarian zapin, wayang kulit, dan silat. Aktiviti ini turut disertai oleh penduduk Kg. Cherok Tok Kun dan beberapa wakil dari DOSM.



Persembahan khas tarian zapin, silat dan wayang kulit yang dibawa oleh warga Jabatan Perangkaan Malaysia DOSM Kedah dan Pahang sebagai hiburan menarik pengunjung di program komuniti tersebut. Aktiviti yang memperkenalkan keunikan kebudayaan melayu untuk dipertontonkan kepada komuniti setempat di Kg. Cherok Tok Kun.



# PROGRAM KOMUNITI KG. BAGAN JERMAL



Program komuniti bersama warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di Kg. Bagan Jermal diadakan pada 1 November 2024. Seramai 500 orang peserta telah menyertai program komuniti yang dianjurkan oleh warga DOSM. Antara aktiviti yang diadakan di Kg. Bagan Jermal adalah Zumba/Taici, CSR gotong-royong kampung, sukaneka, dan tarian etnik Borneo (DOSM Sabah & Sarawak). Aktiviti ini mendapat sambutan yang cukup meriah daripada penduduk kampung.



Zumba



Tarian Etnik Borneo



Sukaneka



Pertandingan Mewarna



CSR Gotong-Royong Kampung

Tarian etnik Borneo yang dibawa khas oleh DOSM Sabah & Sarawak memeriahkan lagi suasana program komuniti di Kg. Bagan Jermal. Aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar turut dilakukan oleh penduduk setempat. Bukan itu sahaja, kanak-kanak juga berpeluang menyertai aktiviti pertandingan mewarna.



# PROGRAM KOMUNITI KG. KUALA MENGKUANG

Di sekitar kawasan Kg. Kuala Mengkuang berlangsungnya beberapa aktiviti bagi program komuniti. Antaranya, kenduri rakyat, csr gotong-royong, dikir barat dan wayang kulit. Aktiviti kenduri rakyat disertai oleh penduduk kampung dan juga beberapa pihak pegawai DOSM, bekerjasama dalam melakukan gotong-royong memasak dan menyediakan hidangan kepada komuniti setempat.



Kenduri Rakyat



CSR Gotong-Royong



CSR gotong – royong turut dilakukan di sekitar kawasan masjid Ittifaqiyah dan persekitaran kubur. Dengan kerjasama dan bantuan penduduk setempat, kawasan tersebut berjaya dibersihkan dengan baik.

Program komuniti yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia ini memperlihatkan sisi semangat perpaduan yang kukuh antara Jabatan Perangkaan Malaysia bersama komuniti setempat. Hal ini sekaligus menjadi simbol penghargaan 75 tahun perkhidmatan jabatan dalam memberi manfaat kepada seluruh komuniti.

Persembahan Dikir Barat yang menampilkan wakil dari DOSM Selangor untuk memeriahkan aktiviti malam program komuniti di Kampung Kuala Mengkuang.

Diikuti dengan aktiviti wayang pacak yang menayangkan filem "Mat Kilau" bagi membangkit rasa semangat patriotik di kalangan penduduk setempat.



Dikir Barat



Wayang Pacak



## Majlis Sambutan

### KAYUHAN JUBLI INTAN 75KM : MENGELILINGI PULAU PINANG



Kayuhan Jubli Intan sejahter 75km sempena sambutan ulang tahun ke-75 DOSM. Turut disertai seramai 18 orang peserta bagi aktiviti berbasikal ini mengelilingi Pulau Pinang. Acara ini bermula pada jam 3 pagi dan kayuhan para peserta bermula di Bangunan Persekutuan Pulau Pinang, Jalan Anson.



### LARIAN OBOR 75KM

Larian Obor 75km telah mencipta satu sejarah terhadap DOSM, di mana acara ini disertai seramai 10 kumpulan pelari dari pelbagai persatuan dan jabatan. Selain itu, acara larian ini bermula pada jam 11 malam di Straits Quay, Pulau Pinang. Para peserta menunjukkan semangat kesukanan dan berpasukan sepanjang larian berlangsung untuk menghabiskan larian obor tersebut.



*Majlis Sambutan*



2 NOVEMBER 2024

## MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN ULANG TAHUN JUBLI INTAN KE-75 JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# 75 TAHUN DOSM: MERENTASI ZAMAN MENGUKIR KEHIDUPAN



Seramai 839 orang telah menghadiri Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan 75 Tahun. Sambutan ini bertujuan untuk sejarah dan pencapaian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selama berkhidmat kepada negara. Sepanjang perkhidmatan, DOSM sentiasa mengeluarkan data statistik yang bermutu, relevan dan terkini demi memastikan negara dapat membentuk dasar, perancangan dan pembangunan negara dengan baik.

Menghasilkan data yang terkini dan tepat adalah rutin bagi Jabatan Perangkaan Malaysia untuk memenuhi keperluan masyarakat mendapatkan data yang bermutu. Dengan data yang dibekalkan kepada negara sehingga kini, perancangan dan pembangunan negara kian melonjak.



@StatsMalaysia



# SESI BICARA INOVASI: "75 TAHUN MERENTASI ZAMAN MELANGKAH KE ARAH SISTEM STATISTIK BERDAYA TAHAN MENDEPANI ERA INOVASI DIGITAL"



Sesi Bicara Inovasi dengan bertemakan "75 Tahun Merentasi Zaman Melangkah Ke Arah Sistem Statistik Berdaya Tahan Mendepani Era Inovasi Digital". Sesi bicara ini berlangsung di Penang International Convention, Cultural & Art Centre (PICCA), Pulau Pinang. Majlis ini dihadiri seramai 300 peserta.



## PELUNCURAN DASHBOARD STATISTIK UTAMA PULAU PINANG

Peluncuran Dashboard Statistik Utama Pulau Pinang & penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin di pentas utama Penang International Convention, Cultural & Art Centre (PICCA), Pulau Pinang.



## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bagi kategori debat statistik antara IPT 2024, DOSM Datathon, dan Pengucapan Awam yang disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



@StatsMalaysia

BANCI 2024  
PERTANIAN

Kunci Kemajuan Pertanian

MALAYSIA  
MADANI

75

Ulang Tahun  
Jubli Intan

JAKATAN PERANCANGAN MALAYSIA

STATISTIK NADI KEHIDUPAN

GOALS  
STATISTICS  
FOR  
NATION  
2016 - 2030

# Majlis Sambutan



3 NOVEMBER 2024

## STATS RUN 2024 (FUN RUN 7.5KM) & MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN ULANG TAHUN JUBLI INTAN KE-75 TAHUN

Stats Run 2024 (Fun Run 7.5km) & Majlis Penutup Sambut Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 Tahun diadakan bersekali di Straits Quay, Tanjung Tokong. Selain itu, terdapat juga persembahan khas Tarian Bangra, Singa & Etnik India, Silat dan mini karnival makanan. Fun Run ini mendapat sambutan yang amat baik daripada para peserta yang menjayakan Stats Run 2024 ini.





Ulang Tahun  
**Jubli Intan**  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
STATISTIK NADI KEHIDUPAN

# *Sekalung Penghargaan*

Seluruh jawatankuasa kerja mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan **Majlis Sambutan Hari Statistik Negara 2024** pada 20 Oktober 2024 di Ruang Promenade, Menara Suasana PjH, Presint 2, Putrajaya dan **Majlis Ulang Tahun Ke-75 Jubli Intan Jabatan Perangkaan Malaysia** pada 31 Oktober sehingga 3 November 2024 bertempat di Pulau Pinang

*"Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan"*  
*Statistik Nadi Kehidupan*

# Terima Kasih



Ulang Tahun  
**Jubli Intan**  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
STATISTIK NADI KEHIDUPAN

## "STATISTIK SEGALANYA PASTI"

Tak kira walau apa  
Cabaran dan aral melintang  
Statistik meringankan  
Segala beban yang menjelma  
Gementar tiada


Bersama kita teguh hadapi  
Bentala dipenuhi misteri  
Namun statistik kan melindungi  
Statistik petunjuk realiti

Kesejahteraan negara  
Perpaduan seluruh bangsa  
Dengan irama data  
Tidak hanya berbicara

Pagi hingga ke senja  
Semangat yang terus membara  
Data dan kehidupan berteraskan  
harapan  
dan impian kemakmuran

Segalanya PASTI  
Bergalaskan strategi  
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan  
Impian... Kedamaian



StatsMalaysia  
[www.DOSM.gov.my](http://www.DOSM.gov.my)



@StatsMalaysia